

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	30/07/2017B

Kenyataan Tun M tidak kembali dipersoal

KUALA LUMPUR 29 Julai - Rakyat negara ini diminta menilai sama ada kenyataan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa beliau tidak akan kembali kepada UMNO walaupun selepas Datuk Seri Najib Tun Razak mengundurkan diri boleh dipercayai berdasarkan sikapnya yang gemar melakukan pusingan U.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan dalam masa sama turut mempersoalkan mengenai kredibiliti Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu yang kini bersekongkol dengan DAP.

"Menurut Dr. Mahathir, beliau tidak akan kembali kepa-

da UMNO. Dengan begitu banyak pusingan U yang dibuat, adakah beliau masih boleh dipercayai," katanya menerusi *Twitter* beliau hari ini.

Dalam pada itu, Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican berkata, sebarang kenyataan mengenai UMNO yang dikeluarkan oleh Dr. Mahathir tidak lagi penting untuk lebih tiga juta ahli parti tersebut.

"Dr. Mahathir tidak lagi penting kepada UMNO, malah parti juga tidak terhegeh-hegeh lagi untuk menerima beliau," katanya.

"Cuma saya ingin bertanya kepada Dr. Mahathir adakah beliau akan dikenali seluruh dunia tanpa UMNO," katanya.

UM - 30/7/2017 pg. 14